

Jangan takut pengundi muda

UM - 12/12/2021 m/s: 3

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

BERA: Ada pihak yang 'takut' kepada orang muda apabila mencadangkan Parlimen dibubarkan sebelum pendaftaran automatik pengundi 18 tahun bermula 1 Januari 2022.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO bersetuju pengundi 18 tahun dibenarkan mengundi kerana yakin kemampuan orang muda membuat pilihan.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO berkata, zaman sekarang sudah berubah di mana segala maklumat di hujung jari dan orang muda tahu perkembangan politik negara.

"Orang muda zaman milenium berbeza dengan zaman dahulu. Kita bersetuju perkara itu (Undi18) cuma dengan syarat secara automatik.


"Sekarang, ada pihak tertentu takut kepada orang muda

dengan mencadangkan pilihan raya umum segera diadakan sebelum 31 Disember ini.

"Kalau kita mempunyai niat jahat untuk sekat orang muda sebagai pengundi, apa orang muda akan lihat UMNO? UMNO akan dilihat tidak yakin dengan orang muda. Kita tidak perlu takut.

"Saya percaya kalau kita lakukan ini kita akan dihukum mereka, ya orang muda 19 tahun, 20 tahun tidak boleh mengundi tetapi yang berusia 21 hingga 30 tahun yang masih dianggap orang muda ini pasti akan hukum kita kerana kita menyekat hak mereka untuk mengundi," katanya berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Bera di sini, semalam.

"Sampai bila kita hendak lari dari orang muda? Kita akan hadapi orang muda kerana pilihan raya bukan berakhir pada 2021 atau 2023, kita perlu terus be-



ISMAIL SABRI YAAKOB

kerja mendekati orang muda," katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, kepentingan rakyat dan memulihkan ekonomi kesan penularan Covid-19 menjadi keutamaannya sebelum Parlimen dibubarkan bagi membolehkan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) diadakan.

Beliau berkata, perkara itu belum selesai dan meminta semua pihak bersabar dan memberikan ruang kepadanya melaksanakan tugas tersebut.

"Sebab itu saya kata sabar dulu, bersedia atau tidak kita ini (UMNO). Kita bertanding perlu menang, syarat untuk menang kita perlu bersedia. Ada beberapa Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri menyatakan kepada saya mereka belum bersedia sepenuhnya. Kalau masuk perang akan bawa masalah jika belum bersedia.

"Melaka kita menang, tahniah Melaka tapi Melaka tidak boleh dijadikan penanda aras kepada UMNO untuk menang PRU-15, undi popular kepada UMNO di Melaka meningkat hanya satu peratus sahaja. Kita beruntung kerana orang parti lain tak keluar, pengundi Cina hanya 50 peratus dan keseluruhan keluar 65 peratus sahaja, itu kelebihan kita di Melaka," katanya.